

Sivamurugan Pandian

Matlamat, strategi dan pencapaian yang dikenali sebagai Wawasan 2020 berpandukan kompas ekonomi, sosial dan politik serta pembentukan jati diri sahsiah warga Malaysia juga bertujuan untuk menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju di peta dunia. Beliau juga mahu melihat lahirnya bangsa Malaysia yang bercirikan warga yang bangga menjadi warga Malaysia, fasih berbahasa Melayu dan menjunjung perlembagaan, melengkapkan sembilan cabaran yang disenaraikan dalam wawasan ini.

Selepas 29 tahun, perubahan dalam kesinambungan kepimpinan menyaksikan kembalinya Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ketujuh Malaysia. Dalam tempoh masa tersebut, baton peralihan kepimpinan berlaku dua kali dengan kemunculan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima dan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd. Razak sebagai Perdana Menteri keenam. Dalam usaha mengubah kedudukan landskap ekonomi dan sosial tanah air, warisan kepimpinan cuba membawa keluar Malaysia daripada sebuah negara membangun kepada pesat membangun dan akhirnya negara maju yang kini dikatakan sukar direalisasikan disebabkan faktor dalaman dan luaran negara. Hal ini juga membawa kepada penolakan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memerintah selama hampir 60 tahun kepada gabungan parti baharu, iaitu Pakatan Harapan (PH) yang antara lain telah merangka beberapa dasar, visi dan wawasan untuk masa hadapan Malaysia Baharu.

Pada hari ini, lahir Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang dianggap sebagai kesinambungan daripada Wawasan 2020 dan agenda besar yang lain untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara mampan dalam tempoh 10 tahun dengan



Senario Politik 2020

TAHUN 2020 amat istimewa buat Malaysia. Pada 28 Februari 1991, Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Persidangan Majlis Perdagangan Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertemakan "Malaysia - The Way Forward". Pembentangan tersebut dianggap sebagai hala tuju untuk tempoh masa 29 tahun yang komprehensif dan menyeluruh.

agihan ekonomi yang saksama, inklusif dan adil kepada semua lapisan pendapatan, wilayah dan etnik. Hal ini juga seiring dengan tempoh pencapaian *Sustainable Development Goals* (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Merentasi tahun 2020, maka WKB 2030 akan menjadi tonggak utama dan pemacu ke arah merealisasikan apa-apa yang tidak dapat disempurnakan di bawah Wawasan 2020. Hal ini bermakna, tahun 2020 akan menjadi fasa pertama dalam usaha menerap, memupuk dan mengubah strategi pelaksanaan agar WKB 2030 dapat menuai hasil yang baik pada tahun 2030. Hal ini juga memerlukan gaya, jenis dan bentuk kepimpinan yang serasi dengan iklim pembaharuan dan perubahan yang berlaku di dalam dan luar negara.

Hatta, kewibawaan dan keabsahan kepimpinan juga akan teruji pada tahun 2020, iaitu tahun kedua kerajaan PH mengambil alih teraju kepimpinan negara. Manifesto dan janji Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 barangkali akan dipenuhi sebahagiannya dalam tahun 2020 memandangkan ketidakupayaan melaksanakannya pada tahun pertama telah memberikan impak yang besar khususnya prestasi calon PH dalam beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti Cameron Highlands, Semenyih, Rantau dan Tanjung Piai. Defisit kepercayaan perlu dibendung dan dipulihkan kerana kekecewaan, kemarahan dan motivasi pengundi berubah-ubah sekelip mata dalam dunia politik mutakhir ini berbanding dengan gelagat untuk mempamerkan kesetiaan kepada parti dan calon sebelum ini.

Persoalannya, adakah tahun 2020 juga bakal melihat peralihan baton kepimpinan secara licin, tersusun dan lancar sebagai pengganti kepada Perdana Menteri yang sedia ada. Hal ini dikatakan demikian kerana isu ini berleretan sepanjang tahun 2019 sehingga dikatakan menzahirkan keadaan tidak menentu dan kurang stabil terhadap negara. Datuk Seri Anwar Ibrahim berulang kali disebut sebagai Perdana Menteri kelapan, namun tempoh transisi kepimpinan tersebut belum diputuskan, tempohnya berubah dari dua tahun kepada tiga tahun malahan ada juga pihak yang mahu Tun Dr. Mahathir menghabiskan tempoh lima tahun dan membenarkan “pengganti” beliau mengetuai PRU ke-15. Walaupun hal tersebut bertujuan agar isu “peralihan kuasa” tidak mengganggu

Merentasi tahun 2020, maka WKB 2030 akan menjadi tonggak utama dan sebagai pemacu ke arah merealisasikan apa-apa yang tidak dapat disempurnakan di bawah Wawasan 2020. Hal ini bermakna, tahun 2020 akan menjadi fasa pertama dalam usaha menerap, memupuk dan mengubah strategi pelaksanaan agar WKB 2030 dapat menuai hasil yang baik pada tahun 2030.

urusan pentadbiran, namun para penyokong parti dan pemimpin seolah-olah lebih mengutamakan “perubahan mutlak” daripada “perubahan dalam kesinambungan” meskipun hal tersebut boleh menjejaskan reputasi dan kredibiliti serta legitimasi politik PH.

Bagaimanakah pula dengan rombakan kabinet yang menjadi berita hangat sebaik-baik sahaja kekalahan calon PH di PRK Tanjung Piai pada November 2019? Pada hakikatnya, isu rombakan kabinet bukanlah isu yang baharu, malahan sudah menjadi suara yang diulang-ulang sejak Mei 2019, namun Perdana Menteri menolaknya dengan alasan kabinet beliau dianggotai oleh pemimpin yang masih mencari pengalaman. Ada keputusan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh barisan kabinet memberikan impak bukan sahaja ke atas Perdana Menteri, tetapi kepada parti dan negara. Hal ini bermakna, penukaran kementerian lain atau pengguguran menteri kabinet boleh berlaku dan baru-baru ini, Perdana Menteri menyatakan bahawa hal tersebut boleh berlaku sebelum Mesyuarat Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) pada November 2020, iaitu Malaysia akan menjadi tuan rumah pada persidangan pada kali ini. Adakah ini juga menjadi kayu pengukur perubahan kuasa atau pembubaran Parlimen boleh berlaku selepas selesainya APEC?

Reaksi terhadap kedudukan PH dan Perdana Menteri boleh memberi kesan terhadap Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak yang dijangka akan menjadi tumpuan pada tahun 2020. Penulis berasakan tidak mustahil isu PRN akan berlanjutan di beberapa buah negeri yang sedang berhadapan dengan permainan perang saraf, khususnya dalam kalangan kepimpinan negeri.

Wujud juga persoalan tentang prestasi Barisan Nasional (BN) dan pembangkang yang lain pada tahun 2020? Jika dinilai prestasi pada

tahun 2019, Muafakat Nasional atau kolaborasi parti gabungan baharu yang melibatkan BN dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) merupakan satu inisiatif yang membawa anjakan baharu dalam konteks politik arus perdana. Hal ini akan terus diperhatikan dan sejauh manakah gabungan itu dapat menembusi kerjasama politik di Sabah dan Sarawak? Adakah akan lahir lebih banyak platform gabungan politik nasional pada peringkat pusat pada tahun ini?

Tahun 2020 juga bakal melihat sejauh manakah kita mampu memberikan keutamaan untuk meningkatkan paras kegembiraan, mengurangkan kebimbangan dan mewujudkan kedamaian. Isu agama dan etnik yang mewarnai tahun 2019 perlu dikawal daripada merebak sehingga kebimbangan dan keresahan masyarakat semakin membesar. Isu berkaitan dengan perlembagaan perlu dipertahankan oleh pihak berwajib agar tidak menjadi mainan pihak yang juga tidak bertanggungjawab. Kepercayaan terhadap penjawat awam amat signifikan dan penting dalam proses sistem penyampaian pada hari ini. Hal tersebut akan menjadi asas kepada masyarakat – pencapaian institusi sosial dan perubahan sosial yang mahu dibawa berdasarkan agenda agensi masing-masing. Hal tersebut bersifat resiprokal – saling melengkapi dan memerlukan. Sifat kebergantungan ini memerlukan kepimpinan melalui teladan agar memudahkan proses pelaksanaan untuk melihat hasil akhir yang positif.

Selaras dengan pendirian itu, wajar motivasi dan keyakinan diperbaiki agar dasar yang dirangka diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan serta bersesuaian dengan kumpulan sasar. Pihak berwajib juga perlu memberikan keutamaan terhadap isu yang mendampingi rakyat dan bukan isu yang akan memperlekehkan kebijaksanaan pemimpin. Hal ini

juga perlu dihubungkan dengan kedudukan Malaysia pada peringkat global dan serantau. Sensitiviti dengan kuasa berpengaruh dunia perlu diteliti dan mengambil sikap berhati-hati dengan dasar luar negara yang konstruktif. Hubungan dengan China, India dan Amerika Syarikat penting untuk memastikan kedudukan negara tidak digugat. Begitu juga dengan hubungan negara ASEAN dengan mempamerkan keinginan untuk memperbaiki visi ASEAN kelak.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada APEC 2020 dengan hampir 16 ribu delegasi dari seluruh dunia akan hadir ke negara ini. Kita pernah menjadi hos pada tahun 1998 dan kini di bawah pemimpin yang sama, negara akan merangka dasar pasca-2020. Sebelas bulan merupakan tempoh yang panjang sebelum bermulanya persidangan APEC dan hal ini pasti akan diwarnai dengan pelbagai tafsiran terhadap politik dalaman dan antarabangsa. Kita pernah melihat suara reformasi pada Mesyuarat APEC 1998, oleh itu, sudah pasti mesyuarat pada kali ini diharap akan berjalan dengan baik dan lancar.

Tahun 2020 amat istimewa kerana arkitek yang mencipta Wawasan 2020 kembali untuk menukar impian negara kepada realiti. Pada hakikatnya, mekanisme, pendekatan, paradigma dan metodologi baharu diperlukan untuk memenuhi keperluan, kemahuan dan minda rakyat Malaysia yang literasi politiknya juga sudah berubah. Adakah tahun 2020 akan menjadi tahun yang menyaksikan Tun Dr. Mahathir meluruskan apa-apa yang bengkok dan mengetatkan apa-apa yang longgar agar “tawaran baharu” dapat menjadi ramuan untuk 10 tahun akan datang. Sama-sama kita nantikan, iaitu pada penghujung tahun 2020!